

18 SEP 1997

Mahathir-Pameran

DR MAHATHIR MELAWAT PAMERAN MMA'97

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghabiskan masa sejam melawat pelbagai gerai pameran yang memperagakan produk-produk canggih di Pameran dan Persidangan Multimedia Asia'97 di sini.

Dr Mahathir yang diiringi oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos Berhad Tengku Datuk Dr Azzman Shariffadeen, melihat sendiri dari dekat dan mendengar penerangan mengenai pelbagai produk multimedia oleh wakil-wakil syarikat yang mempamerkan barangan mereka.

Antara gerai pameran yang menarik perhatian beliau ialah gerai Mimos Berhad dengan beliau menghabiskan masa beberapa minit meneliti Projek Persekitaran Ujian Bagi Penggunaan Multimedia dan Perangkaan (Teman).

Beliau juga menghabiskan sedikit masa di pavilion Sweden yang memaparkan beberapa perkara yang menarik bagi projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Turut melawat pameran itu pada masa yang sama ialah Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

MMA' 97 dianjurkan oleh Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan dan ia merupakan acara tahunan syarikat-syarikat serta profesional dalam bidang IT dan Multimedia dalam konteks projek MSC.

Lebih 200 syarikat mempamerkan produk mereka daripada perkhidmatan siaran interaktif hinggalah kepada perisian animasi 3D.

MSC merupakan kawasan seluas 15 kali 50 kilometer meliputi KLCC, Putrajaya dan Lapangan Terbang KLIA di Sepang yang akan menjadi pusat industri multimedia.

-- BERNAMA

NI PR